



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 4/2012
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Sembahyang Fardhu Maghrib Berjemaah, Membaca Surah Yaasin dan Doa Kesyukuran Sempena Sambutan Ulang Tahun **Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-28 Tahun 2012 akan diadakan pada Hari Rabu malam Khamis 29 Rabiulawal, 1433 bersamaan 22 Februari 2012 bermula jam 6.00 petang**, dengan tumpuan di **Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan** dan di semua masjid dan surau seluruh Negara Brunei Darussalam seperti berikut:-

TUMPUAN UTAMA

- 1) Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan

DAERAH BRUNEI DAN MUARA

- 1) Jame' Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong;
- 2) Masjid Al-Muhtadee Billah, Mukim Sungai Kebun;
- 3) Masjid Mohammad Bolkiah, Kampung Serusop;
- 4) Masjid Sultan Shariff Ali, Mukim Sengkurong;
- 5) Masjid Perpindahan Negara Lambak Kanan;
- 6) Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong;
- 7) Masjid Setia Ali, Pekan Muara;

DAERAH BELAIT

- 1) Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait;
- 2) Masjid Perpindahan Kampung Pandan, Kuala Belait;
- 3) Masjid Pekan Seria;

DAERAH TUTONG

- 1) Masjid Hassanul Bolkiah, Pekan Tutong;

DAERAH TEMBURONG

- 1) Masjid Utama Mohd Salleh, Pekan Bangar;



-2-

2. Susunan aturcara adalah seperti berikut:-

ATURCARA (TUMPUAN MASJID UTAMA)

6.00 PETANG : Para Jemaah dan Pembesar-Pembesar Negara hadir
: Azan Maghrib
: Sembahyang Fardhu Maghrib Berjemaah
: Sembahyang Sunnat Hajat
: Membaca Surah Yaasin
: Membaca Doa Kesyukuran
: Azan Isya'
: Sembahyang Fardhu Isya' Berjemaah
: Bersurai

3. **Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Kerajaan serta orang ramai adalah diharapkan dan dialu-alukan untuk bersama-sama hadir ke masjid-masjid dan surau-sarau di seluruh negara khususnya di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan** bagi bersama-sama meramaikan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam pada tahun ini dan sama-sama berdoa kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala supaya Negara Brunei Darussalam akan sentiasa berkeadaan aman, makmur dan sejahtera serta sentiasa didalam pemeliharaan-Nya dari segala bentuk bencana dan musibah.

والسلام

"Cintai Keluarga Dan Lindungi Mereka"

(HAJI MOHD 'ABDOH BIN DATO SERI SETIA HJ ABDUL SALAM)

Setiausaha Tetap
abdoh.salam@jpm.gov.bn

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan BA1000
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan : (4) JPM/SK/2012
Tarikh : 18 Rabiulawal 1433
11 Februari 2012